

## **Majlis Pelantikan Rakan Bahasa**

**19 April 2024**

### **Ucapan Zhulkarnain Abdul Rahim**

Rakan Bahasa 2024, ibu bapa dan guru-guru.

Ahli-ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura, ahli-ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa.

Encik Benson Loo daripada TeeVers Ptd Ltd, sekretariat MLLPC dan pegawai LKYFB.

Terima kasih atas kehadiran anda pada hari ini.

Ini merupakan kali pertama saya menghadiri Majlis Pelantikan Rakan Bahasa selaku Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa. Saya amat teruja sekali.

Pada tahun ini, seramai 361 orang pelajar telah dilantik sebagai Rakan Bahasa. Jumlah ini terdiri daripada 200 pelajar sekolah rendah, 145 pelajar sekolah menengah, 13 pelajar Maktab Rendah, dan tiga orang mahasiswa universiti. Hal ini amat memberangsangkan kerana ia menunjukkan bahawa guru-guru dan ibu bapa terus memberikan keutamaan untuk memupuk rasa cinta terhadap bahasa dalam kalangan anak-anak kita.

Kepada para pelajar yang hadir pada hari ini, **anda** telah dipilih sebagai duta bahasa cilik. Saya ingin mengucapkan syabas atas pelantikan anda sebagai Rakan Bahasa.

Walaupun anda semua pelajar yang datang daripada pelbagai peringkat, anda semua hadir di sini dan dilantik atas satu tujuan dan sebab. Anda semua merupakan masa hadapan masyarakat kita.

Mengapa? Sebagai pengguna bahasa Melayu yang masih muda, anda merupakan generasi pelapis yang akan terus menggunakan bahasa Melayu. Cara anda menggunakannya sekarang dan cara anda menyebarkan rasa cinta anda terhadap bahasa Melayu menentukan masa hadapan bahasa ibunda kita. Kami akur peri pentingnya peranan anda sebagai generasi masa depan pengguna bahasa Melayu. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Bulan Bahasa memberi tumpuan utama kepada belia dalam sambutan Bulan Bahasa pada tahun ini.

Dalam konteks kehidupan hari ini, kedwibahasaan merupakan aset yang sangat penting. . Kebolehan untuk berdwbahasa dengan baik membolehkan anda untuk mengemudi daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain dengan berkesan. Contohnya, daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dan sebaliknya. Melalui program seperti Penterjemah Pintar, kita dapat mendedahkan Rakan-rakan Bahasa kepada ranah menterjemah bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dengan berkesan. Bagi Rakan Bahasa sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi pula, saya mengajak anda untuk terus memperkasa kedwibahasaan anda dalam perbualan seharian bersama rakan-rakan dan juga komunikasi di media sosial. Namun, ingat ya. Gunakan bahasa yang sempurna, bukan yang dicampuradukkan.

Bersama kita pada hari ini ialah tiga orang mahasiswa universiti yang turut dilantik sebagai Rakan Bahasa. Bolehkah saya meminta anda bertiga untuk berdiri? Saya berharap anda terus melestarikan bahasa ibunda kita dengan semua orang di sekeliling anda. Sebagai belia, anda merupakan perantaraan dengan golongan yang lebih muda, ibu bapa dan warga emas. Saya pasti anda menggunakan bahasa ibunda untuk membina dan mengeratkan hubungan. Anda juga menggunakan bahasa untuk menyampaikan idea, pemikiran, ilmu, dan memperdalam pemahaman terhadap seni dan budaya Melayu. Dengan itu, saya menggalakkan anda untuk memikirkan cara untuk terus mengasah kemahiran berbahasa dan memperdalam cinta anda terhadap bahasa tersebut.

Pengacara kita pada hari ini, Reyna dan Dyan juga merupakan kebanggaan kita. Mereka pernah dilantik sebagai Rakan Bahasa pada tahun 2018 dan hari ini, mereka kembali untuk menyumbang masa dan tenaga. Terima kasih Reyna dan Dyan. Mereka berdua ini terlibat secara aktif dalam kegiatan bahasa Melayu di sekolah dan di luar sekolah sewaktu di sekolah menengah dahulu. Hari ini, mereka merupakan mahasiswa di NUS dan masih terus melibatkan diri dan juga memimpin kegiatan-kegiatan kebahasaan, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu di NUS. Marilah kita berikan tepukan untuk mereka. Syabas. Semoga mereka menjadi inspirasi kepada semua.

Atas dedikasi Jawatankuasa Kecil Rakan Bahasa, TeeVers dan 4PM pelbagai aktiviti menarik juga telah disediakan untuk anda.

Pada minggu hadapan, anda akan berpeluang untuk menyertai Pertandingan TeeVers yang dianjurkan bersama Encik Benson Loo. Ada sedikit kelainan yang diperkenalkan berbanding tahun-tahun yang sudah. Kali ini, anda akan menulis skrip 3-minit bersama pasangan anda dan menghidupkan skrip tersebut melalui lantunan suara. Suara andalah yang akan menjadi 'pelakon' utama dalam skrip tersebut. Menarik, bukan? Terima kasih Encik Benson kerana sentiasa menyokong Rakan Bahasa.

Untuk membimbing anda menulis skrip dengan baik, Duta Bahasa Cik Aidli Mosbit ada bersama kita pada hari ini. Beliau akan mengajar cara menulis skrip yang berkesan. Saya pasti sesi yang akan diadakan nanti bermanfaat untuk anda semua.

Pada bulan Mei pula, kami akan mengadakan pertandingan Penterjemah Pintar untuk Rakan Bahasa dari sekolah rendah. Pertandingan ini akan dianjurkan bersama 4PM, dan akan dibuka kepada 30 pasukan pertama sekolah rendah sahaja. Kami menantikan penyertaan anda!

Akhir sekali, kami juga menyediakan kad aktiviti Kembara Rakan Bahasa untuk dilengkapkan oleh semua Rakan Bahasa. Saya berharap aktiviti atau misi dalam kad ini dapat menyuntik kesegaran dan menggalakkan penyertaan semua.

Marilah kita sama-sama mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kecil Rakan Bahasa kerana telah bekerja keras untuk merancang kesemua aktiviti ini untuk anda.

Bagi pihak Jawatankuasa Bulan Bahasa, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua guru dan ibu bapa yang telah mencalonkan Rakan Bahasa sebagai duta cilik bahasa Melayu.

Peranan guru sangat penting. Guru membina asas bagi penguasaan bahasa Melayu di bilik darjah dan mendorong anak didik mereka mencapai potensi sebagai Rakan Bahasa di sekolah.

Di rumah, ibu bapa dapat memperkukuh penggunaan bahasa Melayu melalui pertuturan harian. Alah bisa, tegal biasa. Sesuatu perkara yang lazim dilakukan akan menjadi amalan yang sehati.

Sekalung budi diucapkan kepada penyokong-penyokong inisiatif Rakan Bahasa. Mereka termasuklah Encik Benson, 4PM dan MLLPC. Terima kasih kepada Defence Collective Singapore yang telah menaja tempat bagi acara pada hari ini, dan Auric Pacific kerana menaja kudapan untuk Rakan Bahasa kami.

Kepada semua Rakan Bahasa, pelantikan anda amat bermakna dan penting. Sebagai seorang Rakan Bahasa, anda ditugaskan untuk menyebarluaskan cinta anda terhadap bahasa Melayu kepada rakan-rakan dan keluarga. Semoga masyarakat kita terus menggunakan dan menghargai bahasa ibunda kita.

Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Terima kasih.